

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL  
FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**LAWATAN RASMI MENTERI  
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN  
KOPERASI**

**YB DATUK EWON BENEDICK KE  
ANGKASA**

**17 JANUARI 2023 (SELASA)  
4.00 PETANG  
WISMA UNGKU A. AZIZ**

---

Bismillahirrahmannirrahin

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Perpaduan  
dan Salam Koperasi,

(Protokol Sapaan)

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan kepada Menteri

Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick atas kesudiannya untuk hadir ANGKASA pada hari ini bagi melihat sendiri apa peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh ANGKASA sebagai badan puncak yang mewakili lebih 14000 koperasi di seluruh negara.

2. Kehadiran YB bersama delegasi dari KUSKOP amat kami alu – alukan dengan hati yang terbuka dan ini juga memberi semangat kepada kami di ANGKASA untuk terus menabur bakti memastikan kita semua dapat bersama bagi memperkasa gerakan koperasi negara agar ianya terus menjadi

institusi yang memastikan  
kesejahteraan sosioekonomi  
anggotanya terbela dan  
terpelihara.

**Yang Berhormat Datuk dan Hadirin  
Sekalian.**

3. Pada tahun 1966, Kongres Kerjasama Pertama telah dianjurkan dengan objektif meningkatkan kerjasama dan menyatukan koperasi di bawah satu payung persatuan yang bersekutu.

4. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah didaftarkan pada 12 Mei 1971 di bawah Ordinan Koperatif 33/1948. ANGKASA ditubuhkan hasil resolusi Kongres Kerjasama Kedua yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Hussein, Perdana



Menteri Malaysia yang kedua pada ketika itu.

5. Ini bermakna pada tahun 2023 genaplah 52 tahun ANGKASA menerajui pembangunan gerakan koperasi yang juga telah berumur lebih satu abad semenjak 1922.

6. Pelbagai transformasi telah dijalankan oleh ANGKASA bersama gerakan koperasi melalui keterlibatan gerakan ini dalam pelbagai sektor ekonomi yang dahulunya amat jarang kita dengar diceburi oleh koperasi. Kita mengambil pendekatan untuk sentiasa beradaptasi dengan situasi

ekonomi semasa bagi memastikan gerakan koperasi kekal relevan merentasi zaman.

7. Sudah tentu apa yang dikecapi oleh gerakan koperasi pada masa kini bukanlah hasil usaha ANGKASA sahaja. Sebagai institusi yang bertunjangkan kerjasama,

ANGKASA bekerjasama rapat dengan KUSKOP serta agensinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dalam merencana, memperhalusi serta menggerakkan usaha – usaha yang membolehkan gerakan ini terus menjadi pilihan

rakyat untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

8. Di peringkat ANGKASA sendiri kita telah merangka beberapa strategi bagi memantapkan ANGKASA sendiri sebagai badan puncak. Pelan – pelan ini juga dibuat dengan mengambil kira dasar yang

dibuat oleh pihak kerajaan agar ianya lebih komprehensif dan memberi manfaat yang lebih menyeluruh kepada semua pihak.

9. Pelan Strategik ANGKASA 2050 atau PESAN50 kita selaraskan supaya seiring dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025

(TransKoM), Dasar Keusahawan Nasional 2030 (DKN2030) dan inisiatif lain bagi memperkasa gerakan ini supaya sasaran RM100 Bilion, yang ditetapkan oleh kerajaan terdahulu menjelang tahun 2030 dapat dicapai.

## **Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Sekalian.**

10. Antara tanggungjawab yang harus dimainkan oleh ANGKASA dalam merencanakan perniagaan koperasi adalah dengan melibatkan koperasi dalam sector – sector berimpak tinggi yang



menjanjikan perolahan yang lebih baik.

11. Untuk tujuan tersebut ANGKASA terus memperkasa bidang keberhasilan gerakan ini melalui Lapan Sektor Peneraju Pembangunan Perniagaan Koperasi. Ianya termasuklah :

- Sektor Kewangan
- Sektor Pelancongan, Kesihatan dan Penjagaan Diri dan Kesihatan.
- Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani.
- Sektor Perladangan.
- Sektor Pemborongan dan Peruncitan.
- Sektor Inovasi dan Teknologi.

- Sektor Hartanah dan Industri Binaan
- Sektor Pembangunan Komuniti.

12. Tahun demi tahun pelbagai inisiatif telah kita releasisasikan melalui kerjasama dengan pemegang taruh baik dalam sektor koperasi mahupun pemain industri supaya peranan koperasi dalam sektor

keberhasilan utama dapat memberikan dampak semaksimal mungkin dalam rantai perniagaan dan sektor itu sendiri.

**Yang Berhormat Datuk dan Hadirin  
Sekalian.**

13. Pada April 1972, ANGKASA menganggotai Ikatan Koperasi Antarabangsa atau International Co-operative Alliance (ICA) iaitu pertubuhan koperasi di peringkat dunia hasil kelulusan daripada Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) Pertama pada 31 Julai 1971.

14. Pelbagai penghormatan telah diberikan kepada pucuk pimpinan dan pengurusan ANGKASA oleh Ikatan Koperasi Antarabangsa (IKA) dan badan-badan antarabangsa yang berkaitan.

15. Di peringkat global saya merupakan Naib Presiden

International Co-operative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP) manakala Datuk Haji Kamarudin Ismail adalah Ahli Lembaga ICA. Anggota Lembaga ANGKASA yang lainnya juga turut menjawat kedudukan dalam beberapa sektor di peringkat global.

16. Kedudukan ini tidak lain dan tidak bukan menunjukkan keyakinan tinggi koperasi dunia terhadap pencapaian gerakan koperasi di negara ini. Atas dasar keyakinan itu juga Malaysia telah dipilih untuk menganjurkan Perhimpunan Agung dan Persidangan Dunia ICA 2017 yang menyaksikan kehadiran



pemimpin koperasi dari seluruh dunia .

17. Jika tiada aral melintang, 11<sup>th</sup> Asia Pacific Cooperative Minister's Conference bakal dianjurkan di India pada bulan April ini. Ini merupakan peluang untuk kita meneroka sektor – sektor baharu

yang berpotensi untuk disertai oleh koperasi dan pada masa yang sama menjalin hubungan strategik bagi membolehkan perdagangan dua hala dijalankan antara koperasi dan koperasi. ANGKASA akan berhubung rapat dengan kementerian untuk tindakan susulan dan saya percaya

YB Datuk akan mengambil peluang ini demi kemajuan gerak koperasi di negara ini.

18. Di ASEAN pula saya menduduki kerusi Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) yang disertai oleh sebelas (11) buah negara anggota ASEAN. Kita sedang

berusaha memperkenalkan sepuluh (10) produk dan perkhidmatan koperasi untuk diperkenalkan di negara masing – masing. Ini merupakan salah satu usaha ANGKASA untuk membantu meluaskan lagi jaringan perniagaan dan pasaran koperasi di luar negara.

## **Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Sekalian.**

19. Ada pelbagai lagi perkara yang dibuat oleh ANGKASA untuk memastikan sektor koperasi terus memberi sumbangan signifikan kepada pembangunan negara namun saya kira lebih baik perkara

– perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Pegawai Kumpulan ANGKASA, YBhg. Dato' Haji Abdulllah Haji Jusoh menerusi taklimat yang akan diberikan sebentar lagi.

20. Namun saya ingin menarik perhatian YB terhadap cabaran

yang telah lama membelenggu gerakan koperasi dan saya kira tidak keterlaluhan jika dikatakan membantutkan pertumbuhan gerakan koperasi di negara ini.

21. Ianya berkaitan Akta dan Undang - Undang yang tidak mesra koperasi. Syukur beberapa perkara telah

dilihat dan diperbaharui seperi pengurangan jumlah anggota diperlukan untuk menubuhkan koperasi. Perkara kritikal yang saya kira perlu mendapat dilihat dan diambil tindakan antaranya seperti keperluan koperasi menubuhkan syarikat untuk menyertai perniagaan dalam sektor tertentu.



22. Untuk menubuhkan syarikat bukanlah perkara yang mudah bagi sesebuah koperasi. Proses yang diambil adalah lama. Ianya perlu melalui mesyuarat agung dan apabila lulus perlu pula mendapatkan kelulusan SKM dan seterusnya berulah boleh berdaftar

dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

23. Dalam landskap ekonomi yang bergerak pesat pada masa kini, koperasi harus bergerak pantas dan amatlah merugikan jika koperasi sering terlepas peluang untuk terlibat sama dalam peluang –

peluang yang tersedia dalam pasar terbuka.

24. Antara lain juga kita mahu koperasi dapat diiktiraf sama dengan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk membolehkan koperasi juga mendapat akses pembiayaan

sama seperti perusahaan luar yang berdaftar dengan SSM.

25. Ada koperasi yang mempunyai perniagaan berdaya maju dan mempunyai kapasiti dari segi sumber manusia dan produk untuk mengembangkan perniagaannya namun kekurangan modal untuk

meneruskannya. Kekangan dari segi modal inilah yang sering mengekang koperasi namun kerana tidak berdaftar dengan SSM maka agak sukar untuk koperasi mendapatkan pembiayaan dari pihak Bank serta insentif lain yang disediakan oleh pihak kerajaan.

26. Kita juga sedang melihat bagaimana caranya untuk mewujudkan ekosistem perniagaan yang lebih mesra kepada gerakan koperasi. Peranan dan tanggungjawab agensi yang menjaga kepentingan koperasi harus diteliti semula supaya tidak ada pertindihan tugas antara satu

sama lain supaya semua pihak dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih efisien dan berkesan. Biarapun perlunya ada perbezaan tugas namun kerjasama harus menjadi teras kepada usaha membangunkan gerakan koperasi di negara ini.

27. ANGKASA amat berharap perkara ini dapat dikaji semula serta diberi perhatian sewajarnya oleh pihak KUSKOP dalam memastikan gerakan koperasi dapat memberi sumbagan yang lebih signifikan kepada pembagunan sosiekonomi negara.



## **Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Sekalian.**

28. Sekali lagi saya mewakili kepimpinan tertinggi ANGKASA menzahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga atas kesudian YB serta delegasi dari KUSKOP untuk hadir hari ini ke ANGKASA. Semoga

kehadiran YB Datuk akan dapat membakar semangat kami untuk memberi sumbangan yang lebih besar kepada gerakan koperasi negara.

29. Semoga sesi taklimat ini juga akan memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana ANGKASA

memainkan peranannya sebagai badan puncak memacu pembangunan koperasi sebagai salah satu mesin penggerak ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.